



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

## **KENYATAAN MEDIA**

**BIL.38/ 2018**

### **ISU BAKAL CALON TIDAK DIBENAR MASUK KE PUSAT PENAMAAN CALON**

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengambil maklum terhadap bantahan pihak terbabit yang tidak dibenarkan masuk ke Pusat Penamaan Calon untuk menyerahkan kertas pencalonan mereka semasa Hari Penamaan Calon di bahagian pilihan raya DUN Rantau dan Parlimen Rembau, Negeri Sembilan ekoran tidak mempunyai Pas SPR.

Difahamkan ada pihak telah membuat laporan Polis berhubung kes ini. Berikutan itu, buat masa ini adalah tidak wajar bagi SPR untuk memberikan sebarang komen terhadap kes ini sehingga laporan lengkap diperolehi dan siasatan pihak Polis dijalankan.

Namun terpulang kepada pihak terbabit untuk menggunakan saluran perundangan yang dibenarkan berkaitan kes ini.

SPR juga meminta orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi berkaitan perkara ini kerana ianya sedang dalam siasatan pihak polis.

Sekian.

**TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

**PUTRAJAYA**

Tarikh: 29 April 2018